

Pas putar belit Al-Quran

Laporan:
**AZNAN BAKAR,
ISMAIL DAUD,
ZULKARNAEN
ZAKARIA
dan BADRUL
HISHAM OSMAN**

KUALA LUMPUR 15 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan sikap pemimpin yang sanggup memutar belitkan ayat-ayat Al-Quran demi kepentingan politik kepartian mereka.

Katanya, salah seorang penceramah Pas yang dikenali sebagai Alwi telah meminta penyokong parti itu supaya mempercayai satu firman Allah yang kononnya terdapat di dalam Al-Quran.

Ayat itu, kata Perdana Menteri berbunyi, "Wahai orang-orang yang beriman jika sekiranya benar-benar kamu menolong agama Allah, Allah akan menolong kamu dan akan menetapkan pendirian kamu, sesungguhnya kamu tidak akan bergoncang dengan wang ringgit, kamu tidak akan bergoncang dengan pelbagai subsidi yang akan dibeli dan akan ditaburkan oleh pemimpin kerajaan Barisan Nasional yang ada di negara ini.

"Walaupun ayat ini tidak ada di dalam Al-Quran tetapi jika ayat ini dibaca kepada penyokong-penyokong Pas, mereka akan berkata betul kerana ia dikatakan oleh pemimpin mereka," katanya.

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata demikian ketika menyampaikan

ucapan di majlis penerangan perdana, di sini, hari ini.

Sehubungan itu, katanya adalah menjadi tanggungjawab setiap ahli UMNO untuk menjelaskan kepada rakyat supaya mereka tidak terikat atau terpengaruh dengan dakyah bahaya Pas itu.

"Dengan itu kita berpendapat bahawa kita perlu membuat penerangan kepada rakyat berkenaan de-

ngan isu itu supaya tidak ada kekeliruan dengan rakyat yang bukan ahli Pas. Ahli Pas tidak mungkin kita dapat ubah pemikiran mereka kerana mereka adalah fanatik," katanya.

Dr. Mahathir juga melahirkan kesalnya dengan sikap Pas yang menuduh UMNO ingin membuang Islam sedangkan hakikat sebenarnya ialah UMNO mahukan perkataan Islam da-

ripada parti itu digugurkan.

"Kita sudah menjangkakan perkara ini dan saya sudah nyatakan dalam ucapan saya semasa pembukaan Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini bahawa Pas tetap akan menyalah tafsirkan dengan sengaja apa yang dimaksudkan dengan keputusan kita," katanya.

Menurut Dr. Mahathir,

menggugurkan perkataan Islam dari nama parti dengan membuang Islam adalah dua perkara yang amat berbeza sama sekali.

"Tetapi Pas secara biasanya yang suka menipu telah menipu penyokong-penyokongnya dengan membuat dakwaan tidak tepat sama sekali dari apa yang dihujahkan oleh UMNO," katanya.

Dalam ucapan selama se-

jam itu, Dr. Mahathir mengimbas kembali latar belakang penubuhan Pas yang disifatkan oleh beliau sebagai faktor utama yang membawa kepada perpecahan di kalangan orang Melayu yang keseluruhannya beragama Islam.

"Kita (orang Melayu) pada masa itu (sebelum Pas ditubuhkan) berada di bawah satu sahaja iaitu ajaran Al-Quran, tidak ada pertelingkahan di kalangan orang Melayu, jika ada perpecahan bukan kerana agama," katanya.

Dr. Mahathir berkata, semua ahli UMNO termasuk golongan agama yang diketuai oleh Ahmad Fuad di dalam parti itu bersatu hati.

"Ini kerana kita berpendapat agama membantu kebangsaan Melayu dalam usaha menuntut supaya Malayan Union dihapuskan," katanya.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata, perpecahan di kalangan orang Melayu dari segi agama mula tercetus apabila Ahmad Fuad yang gagal merebut jawatan Yang Dipertua UMNO telah keluar daripada parti dan menubuhkan Pas.

"Penubuhan parti itu diizinkan oleh British kerana mereka menganggap ia merupakan satu cara untuk memecah belahkan orang Melayu," katanya.

Setelah ditubuhkan, kata Perdana Menteri, Pas telah membuahkan pelbagai tafsiran agama yang berbeza dan bermulalah perpecahan orang Melayu disebabkan agama.